Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

# BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

**RUJUKAN: 22 – 24 JUN 2021**

**BIL. 18 / 2021**

## RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

### 1. PENDAHULUAN

1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 24 Jun 2021 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 650,964** atau 90.8 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **61,162 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **5,841 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **716,847 kes.** Penularan tempatan meliputi **99.9 peratus** atau **5,833 kes** daripada catatan harian dengan **80.3 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 8 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 43.3 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (19.2 peratus), Zon Selatan (17.7 peratus), Zon Utara (11.7 peratus) dan Zon Pantai Timur (8.1 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Selangor** iaitu **2,072 kes** disusuli Negeri Sembilan (781), Sarawak (581 kes), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (552 kes), Johor (346 kes) dan Kedah (271 kes). Sejumlah **4,721 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **84 kematian terbaharu** sementara **rekod harian tertinggi kematian** adalah **126 kes** yang dicatatkan pada 2 Jun 2021.

1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 23 Jun 2021 menunjukkan seramai **4,749,133** telah **divaksinasi**. Diperingkat negeri, **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **825,010** diikuti Sarawak dengan 775,906. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Selangor (731,294), Johor (404,218), Sabah (349,910), Perak (295,798), Pulau Pinang (237,561), Kedah (221,507) sementara Kelantan dan Pahang masing-masing merekodkan 198,940 dan 187,425. Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin telah mencapai **6,554,500 meliputi 4,749,133** penerima bagi **dos pertama** manakala **1,805,367** telah menerima **dos yang kedua**.

1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:

- EU: **Lebihan akaun semasa Zon Eropah meningkat pada bulan April 2021**. European Central Bank melaporkan lebihan akaun semasa Zon

Eropah meningkat kepada EURO23 bilion pada bulan April 2021 berbanding EURO18 bilion pada bulan sebelumnya. Lebihan dagangan barangan meningkat kepada EURO27 bilion dari EURO24 bilion, sementara lebihan perdagangan perkhidmatan kekal stabil pada EURO8 bilion. Pendapatan Primer menunjukkan lebihan EUR1bilionn berbanding defisit EURO2 bilion pada bulan Mac 2021. Defisit pendapatan sekunder meningkat kepada EURO13 bilion dari EURO12 bilion pada bulan sebelumnya. (RTT)

- EU: **Indeks harga pengeluar (IHPr) Germany tertinggi sejak Oktober 2008**. IHPr Germany meningkat ke tahap tertinggi dalam 12 tahun. DESTATIS melaporkan harga pengeluar meningkat 7.2% tahun ke tahun pada bulan Mei 2021, lebih cepat daripada kenaikan 0.8% yang dicatatkan pada bulan April 2021. Penganalisis ekonomi mengunjurkan pertumbuhan 6.4% tahun ke tahun. Ini adalah pertumbuhan tertinggi sejak Oktober 2008, ketika harga melambung tinggi sebelum terjadinya krisis kewangan. Inflasi ini disebabkan oleh kenaikan harga barang perantaraan dan tenaga pada kadar 10.7% dan 149%. Harga barangan tahan lama meningkat 1.7%. Harga barang modal dan barangan tidak tahan lama masing-masing meningkat 1.2% dan 0.5%. Pada asas perbandingan bulan ke bulan, inflasi harga pengeluar meningkat kepada 1.5% daripada 0.8% pada bulan sebelumnya. Penganalisis ekonomi menjangkakan kenaikan 0.7%. (RTT)

- UK: **Jualan runcit merosot setelah sekatan pergerakan dilonggarkan**. Jualan runcit UK merosot pada bulan lalu. Penurunan ini disebabkan oleh pelonggaran sekatan pergerakan yang mendorong peralihan perbelanjaan pengguna kepada restoran berbanding perbelanjaan barangan runcit. Office for National Statistics melaporkan jualan runcit turun -1.4% bulan ke bulan pada Mei 2021. Kedai Jualan Makanan mengalami penurunan terbesar, pada kadar -5.7% bulan ke bulan. Data turut menunjukkan aktiviti berkaitan hospitaliti meningkat apabila pengguna mula makan dan minum di restoran dan bar. (Reuters)

- JAPAN: **Inflasi Japan turun -0.1% tahun ke tahun pada bulan Mei 2021**. Indeks harga pengguna di Japan turun -0.1% tahun ke tahun setelah mencatatkan penguncupan -0.4% pada bulan April 2021. Pada asas perbandingan bulan ke bulan, inflasi naik 0.3% bulan ke bulan setelah merosot -0.4% pada bulan sebelumnya. Indeks harga pengguna yang lebih tinggi didorong oleh perumahan, perabot, pakaian, pendidikan dan rekreasi. Manakala makanan, bahan bakar, rawatan perubatan dan komunikasi adalah lebih rendah berbanding tahun sebelumnya. Indeks harga pengguna teras pula meningkat 0.1% tahun ke tahun setelah turun 0.1% pada bulan sebelumnya. Pada asas perbandingan bulan ke bulan, indeks harga pengguna teras meningkat 0.2%. (RTT)

- US: **Federal Reserve tidak akan menaikkan kadar inflasi dalam jangka masa terdekat**. Jerome Powell menegaskan kembali niat bank pusat US untuk mendorong pemulihan pasaran pekerjaan dan tidak akan menaikkan kadar faedah terlalu cepat hanya berdasarkan kepada kegusaran peningkatan inflasi. Kenaikan harga telah mendorong indeks harga pengguna ke paras tertinggi 13 tahun. Penetapan dasar kewangan akan berdasarkan kepada statistik pasaran pekerja yang terperinci termasuk mengikut kaum dan lain-lain. (Reuters)

- EU: **Keyakinan pengguna Zon Eropah tertinggi sejak 2018**. Keyakinan pengguna Zon Eropah naik untuk bulan kelima berturut-turut pada bulan Jun 2021 ke tahap tertinggi sejak awal 2018. Laporan dari EC menunjukkan indeks keyakinan pengguna pada -3.3 daripada -5.1 pada bulan Mei 2021. Penganalisis ekonomi telah menunjurkan skor indeks pada -3.0. Indeks keyakinan untuk EU turut meningkat untuk bulan kelima berturut-turut, naik 1.5 mata kepada -4.5. Itu adalah bacaan tertinggi sejak Oktober 2018. (RTT)

- EU: **Ekonomi Netherlands dijangka bertumbuh 3.2% pada tahun 2021**. Pertumbuhan ekonomi di Netherlands dijangka pulih jauh lebih cepat daripada yang dijangkakan sebelumnya. Ekonomi kelima terbesar Zon Eropah dijangka tumbuh 3.2% tahun ini, berbanding penguncupan tahun lalu sebanyak -3.7%. Pada bulan Mac, ekonomi Netherlands 2021 dijangka bertumbuh pada kadar 2.2%. Bagi tahun 2022, unjuran secara kasarnya tidak berubah pada 3.3%. (Reuters)

- EU: **Keyakinan pengguna Denmark melemah pada bulan Jun 2021**. Indeks keyakinan pengguna yang dikeluarkan oleh Statistics Denmark turun kepada 2.3 pada bulan Jun 2021 daripada 2.8 pada bulan Mei. Purata indeks bagi tempoh 6 bulan terakhir adalah -1.7. Indeks yang mengukur persepsi pengguna mengenai keadaan kewangan peribadi masa hadapan turut menurun kepada 12.4 pada bulan Jun 2021 daripada 14.4 pada bulan sebelumnya. Langkah yang mencerminkan keadaan kewangan peribadi masa lalu jatuh ke 6.3 pada bulan Jun daripada 7.8 pada bulan sebelumnya. Penilaian isi rumah mengenai keadaan ekonomi negara pada tahun berikutnya meningkat kepada 10.4 pada bulan Jun 2021 daripada 8.5 pada bulan Mei 2021. (RTT)

- EU: **Kerajaan Germany meningkatkan pinjaman bersih tahun hadapan kepada EURO99.7 bilion**. Menteri Kewangan Germany mensasarkan pinjaman tambahan sebanyak EURO99.7 bilion (USD114 bilion) pada tahun hadapan untuk membantu pemulihan negara dari pandemik COVID-19. Hutang baharu yang diunjurkan meningkat 22% dari EURO81.5 bilion yang diramalkan dalam rancangan belanjawan persekutuan sebelumnya. (Bloomberg)

- UK: **Defisit belanjawan UK menguncup pada Mei 2021**. Defisit belanjawan UK kurang pada bulan Mei 2021 berbanding tahun yang lalu. Office for National Statistics melaporkan pinjaman bersih sektor awam menurun kepada GBP24.33 bilion pada bulan Mei 2021 daripada GBP43.76 bilion pada tahun sebelumnya. Defisit itu juga di bawah ramalan penganalisis ekonomi sebanyak GBP26.1 bilion. Walau bagaimanapun, ini merupakan pinjaman kedua tertinggi pada Mei 2021 sejak rekod bermula pada tahun 1993. (RTT)

- SOUTH KOREA: **Harga Pengeluar South Korea melonjak pada Mei 2021**. Indeks harga pengeluar South Korea naik 6.4% tahun ke tahun pada Mei 2021 daripada 6.0% pada bulan April 2021. Pada asas perbandingan bulan ke bulan, indeks harga pengeluar meningkat 0.4% bulan ke bulan pada Mei 2021 berbanding kenaikan 1.0% kenaikan pada bulan sebelumnya. Harga produk pertanian merosot -1.2% bulan ke bulan, produk pembuatan naik 1.0%, Utiliti turun -1.0% dan perkhidmatan meningkat 0.1%. (RTT)

- THAILAND: **Thailand berkemungkinan mengekalkan kadar faedah dan menurunkan prospek pertumbuhan KDNK**. Bank of Thailand (BoT) dijangka mengekalkan kadar faedah penanda arasnya tidak berubah pada tahap rendah untuk menampung pemulihan ekonomi yang rapuh. Selain itu, BoT turut menurunkan unjuran pertumbuhan ekonomi apabila gelombang terbesar kes COVID-19 melanda di negara berkenaan. Semua 25 penganalisis ekonomi yang disurvei oleh Bloomberg menjangkakan BoT akan mengekalkan kadar polisi pada 0.5% untuk pertemuan kesembilan berturut-turut. Jawatankuasa Dasar Kewangan juga akan mengeluarkan ramalan ekonomi baharunya untuk tahun ini dan seterusnya. (Bloomberg)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Bank Dunia** mengunjurkan KDNK Malaysia berkembang sebanyak **4.5 peratus pada 2021, berbanding unjuran 6.0 peratus** sebelum ini. Menurut laporan 'Malaysia Economic Monitor: Weathering the Surge' Bank Dunia, **kenaikan mendadak** kes jangkitan COVID-19 menimbulkan kebimbangan terhadap kapasiti sistem kesihatan negara serta **kitaran pembukaan dan penutupan ekonomi** memberi kesan ke atas isi rumah dan perniagaan. Selain itu, **sekatan pergerakan** yang dilaksanakan memberi impak kepada ekonomi Malaysia dalam tempoh terdekat.

2. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melaksanakan **inisiatif bagi meringankan beban pemain industri pelancongan** yang terjejas teruk ekoran pelaksanaan PKP 3.0.

3. Industri **aeroangkasa Malaysia** dijangka hanya akan kembali ke tahap seperti sebelum COVID-19 **pada 2024**, didorong oleh pemulihan ekonomi global daripada kesan pandemik itu. Pemulihan industri ini juga bergantung kepada program vaksinasi di pasaran utama seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom seperti industri lain.

4. Pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) Malaysia dijangka hanya **meningkat sedikit dalam beberapa bulan akan datang**. Eksport juga dijangka **meningkat pada bulan Julai dan Ogos** berikutan pembetulan harga. Pengeluaran minyak sawit mentah Malaysia dijangka meningkat dalam beberapa bulan akan datang, tetapi hanya dalam jumlah yang **minimal berikutan kekurangan tenaga kerja** disebabkan oleh pandemik serta sekatan pergerakan.

5. **Purata harga jualan sarung tangan** dilihat cenderung untuk **turun lebih rendah** kerana keperluan untuk memakai sarung tangan semakin mereda, walaupun terdapat jangkaan harga yang lebih tinggi daripada sebelum pandemik COVID-19. **Kadar vaksinasi yang tinggi** menunjukkan bahawa keperluan penggunaan sarung tangan getah di negara maju akan semakin menurun dan seterusnya akan **memberi tekanan kepada purata harga jualan.**

6. **Kepelbagaian destinasi dan produk eksport Malaysia** dilihat dapat membantu negara memanfaatkan pemulihan perdagangan antarabangsa dan menyokong pengeluaran. Malaysia dilihat telah **beralih ke aktiviti *'high value added'*** sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dengan itu mengurangkan kebergantungannya pada komoditi.

7. **Industri pelancongan** dijangka berdepan **kerugian setinggi RM100 bilion** tahun ini ekoran lanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 3.0) serta sekatan perjalanan penuh yang sedang dilaksanakan. **Sebanyak 71 syarikat agensi pelancongan menutup operasi tahun lalu, manakala 95 peratus syarikat yang masih ada ketika ini tiada pendapatan.** Manakala industri taman tema mengalami kerugian pendapatan sebanyak RM2.8 bilion pada 2020 dan pengurangan tenaga kerja taman tema seramai 3,000 orang di seluruh negara serta lebih 10,000 lagi mengalami pengurangan gaji bersasar.

8. Pelaburan langsung asing **(FDI) sebanyak RM750 oleh GIC Ventures Pte Ltd,** melalui pembelian 16 peratus pegangan ke dalam Sunway Healthcare membuktikan keyakinan terhadap ekonomi negara. Pelaburan tersebut bertujuan untuk pembangunan hospital sedia ada dan modal kerja. Menurut Fitch Solutions Macro Research, **pasaran penjagaan kesihatan Malaysia dijangka berkembang sebanyak 127 peratus** kepada RM127.9 billon pada 2027 daripada RM56.3 bilion pada 2017.

9. Persatuan Peruncit Tempatan menerima maklum balas bahawa **industri runcit** menghadapi kesan sekatan pergerakan dengan sekurang-kurangnya **20 peratus penutupan kedai** dengan anggaran **pemberhentian pekerja sebanyak 20 peratus**, yang secara kasarnya membabitkan kira-kira **120,000 kehilangan pekerjaan**.

10. Jualan kenderaan **merosot 19 peratus** kepada 46,663 unit pada Mei, berbanding 57,912 unit yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. MAA berkata, jualan bulan lalu lebih rendah susulan pelaksanaan PKP 3.0, **bulan bekerja lebih singkat** berikutan cuti umum Aidilfitri dan **kekurangan cip komputer** yang menjejaskan jualan beberapa pengeluar.

11. Hasil kajian terkini Visa merekodkan **peningkatan sebanyak 83 peratus** rakyat Malaysia kini **membeli-belah secara dalam talian melalui aplikasi mudah alih dan laman web**.

12. CIDB memaklumkan terdapat tapak pembinaan yang dikesan **beroperasi dengan kapasiti melebihi 60 pekerja** di tapak bina selain **rumah penginapan pekerja** yang disediakan tiada kelulusan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). CIDB telah mengarahkan **150 daripada 446 tapak pembinaan** untuk menghentikan operasi kerana tidak mematuhi protokol yang ditetapkan.

13. **Kementerian Sumber Manusia (KSM)** menggalakkan majikan dan pekerja mendapatkan **bantuan atau faedah** sementara ditawarkan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) seperti **pekerja yang kehilangan pekerjaan.** Bantuan yang ditawarkan adalah Elaun Mencari Pekerjaan (EMP), Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA), Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB), Elaun Latihan dan faedah bantuan pencarian pekerjaan.

14. **Model kerja hybrid**, gabungan bekerja di pejabat dan secara jarak jauh telah menjadi norma baharu di Malaysia akan **dijangka berterusan selepas COVID-19**. **Cisco Malaysia** menyatakan **hampir 90 peratus pekerja di Malaysia ingin mempunyai pilihan untuk bekerja di pejabat atau dari rumah**. Organisasi dan syarikat telah menerima bukan hanya untuk mengekalkan pekerja malah menarik golongan milenial dan tenaga kerja pada masa depan yang sedia ada dalam pasaran buruh.

15. **Pekerja** dan **majikan** yang **terjejas** dengan **COVID-19 digesa memohon bantuan sementara** melalui ***Employment Insurance System*** **(EIS), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).** Peluang pekerjaan juga boleh didapati di portal MYFutureJobs dengan terdapat 242,598 kekosongan jawatan aktif.

16. **Kontraktor kategori G1 dan G2** yang dilantik **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** bagi projek **pembinaan skala kecil dibenarkan beroperasi** sepanjang tempoh **PKP 3.0** dengan serta-merta. Kontraktor **tidak perlu memohon** kebenaran melalui *COVID-19 Intelligent Management System* **(CIMS)** kendalian Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan hanya **memerlukan kelulusan PBT** bagi mempercepatkan proses.

17. ***Malaysian Employers Federation*** **(MEF)** menggesa kerajaan **menamatkan PKP** penuh bagi menghentikan impak berterusan kepada ekonomi negara dan kehidupan individu. Semua sektor perlu dibenarkan beroperasi di mana Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan perusahaan mikro telah teruk terjejas. Syarikat yang tidak tersenarai dalam perkhidmatan perlu tidak mampu untuk bertahan lebih lama.

18. Sebanyak **30 peratus kedai** di **pusat beli-belah ditutup** dalam tempoh **16 bulan terakhir** akibat COVID-19 yang melibatkan kira-kira **300,000 pekerja kehilangan pekerjaan**. Persatuan meramalkan **sekiranya** pusat membeli-belah dan runcit serta kedai di hadapan jalan **tidak dibuka** semula pada **awal Julai**, sebanyak **50 peratus** lagi dijangka akan terus **menutup operasi sepenuhnya**.

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Awani**<br>22 Jun 2021<br>(*Non-essential*) | **MOTAC laksana beberapa inisiatif bantu industri pelancongan**<br><br>Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melaksanakan inisiatif termasuklah melanjutkan pengecualian fi pembaharuan lesen dan lesen-lesen tambahan bagi pengusaha pelancongan dan pemandu pelancong.<br><br>MOTAC juga melaksanakan pengecualian fi pembaharuan lesen dan lesen-lesen tambahan bagi pengusaha pelancongan dan pemandu pelancong yang belum mendapat kelulusan pembaharuan lesen. | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/motac-laksana-beberapa-inisiatif-bantu-industri-pelancongan-304317 |
| 2. | **The Edge Market**<br>23 Jun 2021<br>(*Non-essential*) | **World Bank cuts Malaysia's 2021 GDP growth projection to 4.5% amid Covid-19 flare-up, slower-than-expected vaccination**<br><br>The World Bank has slashed its gross domestic product (GDP) growth projection for Malaysia for the second time to 4.5% in 2021 — from 6% estimated in March and 6.7% in December 2020.<br><br>The country's economic recovery is being hindered by a resurgence in infections since mid-April, coupled with the reimposition of the Movement Control Order that is expected | https://www.theedgemarkets.com/article/world-bank-cuts-malaysias-2021-gdp-growth-projection-45-amid-covid19-flareup |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | to have a significant impact on private consumption. | |
| 3. | **Utusan Malaysia** 24 Jun 2021 (*Non-essential*) | **Nisbah pinjaman tidak berbayar dijangka meningkat**<br><br>Nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) dijangka meningkat apabila tempoh moratorium bersasar tamat, terutamanya dari perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta peminjam runcit.<br><br>Risiko pinjaman tertunggak yang lebih tinggi meletakkan lebih tekanan kepada kebolehuntungan bank. | https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/06/nisbah-pinjaman-tidak-berbayar-dijangka-meningkat/ |

Penemuan penting & isu:

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melaksanakan inisiatif bagi meringankan beban pemain industri pelancongan yang terjejas teruk ekoran pelaksanaan PKP 3.0.

2. Unjuran KDNK Negara bagi tahun 2021 telah disemak semula kepada 4.5 peratus yang dipengaruhi oleh peningkatan kes positif COVID-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Peningkatan kes positif COVID-19 dan pelaksanaan semula PKP antara faktor yang mempengaruhi prestasi ekonomi negara. World Bank telah menyemak semula pertumbuhan ekonomi Malaysia kepada 4.5 peratus bagi tahun 2021. Pada ST1 2021, KDNK Negara mencatatkan pertumbuhan marginal negatif 0.5 peratus berbanding negatif 3.4 peratus pada suku tahun sebelumnya.

2. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan bagi mengekang penularan COVID-19 memberi kesan kepada sektor pelancongan. Namun, inisiatif dari MOTAC untuk menyediakan pelanjutan tempoh pengecualian fi sedikit sebanyak dapat membantu golongan tersebut.

| B. | Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **Sinar Harian**<br>22 Jun 2021 | **Niaga Hadapan Kecil KLCI Tinggi**<br><br>KONTRAK niaga hadapan FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) di Bursa Malaysia Derivatives kekal tinggi pada sesi dagangan tengah hari ini.<br><br>Pada waktu rehat, Jun 2021 dan Julai 2021 masing-masing meningkat 6.0 mata kepada 1,573.0 dan 1,573.5, September 2021 menambah 3.5 mata kepada 1,564.5, sementara Disember 2021 naik 4.0 mata kepada 1,560.0.<br><br>Jumlah dagangan berjumlah 2,859 lot, dengan kepentingan terbuka pada 36,392 kontrak.<br>FBM KLCI mengakhiri sesi pagi 2.45 mata lebih tinggi pada 1,574.69 daripada penutupan Isnin pada 1,572.24. –Bernama | https://www.sinarharian.com.my/article/145661/BISNES/Niaga-hadapan-kecil-KLCI-kekal-tinggi |
| 2. | **KOSMO**<br>22 Jun 2021<br>(*Essential*) | **onBaza Bantu Peniaga Kecil Dan Sederhana**<br><br>Peniaga secara kecil-kecilan termasuk yang menjual makanan dari rumah dan juga di warung kini berpeluang menawarkan menu makanan masing-masing dengan menggunakan khidmat penghantaran onBaza Sdn. Bhd. (onBaza) yang kini sudah mempunyai lebih 200 peniaga kecil yang sudah berdaftar di | https://www.kosmo.com.my/2021/06/22/onbaza-bantu-peniaga-kecil-warung/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | aplikasinya yang umumnya berada di skeitar Kuala Lumpur. | |
| 3. | **Harian Metro**<br>22 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Agih RM122.06b**<br><br>Sejumlah 21 inisiatif daripada 89 yang diumumkan kerajaan untuk membantu perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) serta perniagaan besar ketika pandemik Covid-19 selesai dilaksanakan setakat 15 Jun.<br><br>Majoriti inisiatif itu berada di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin yang diumumkan kerajaan pada Mac 2020, diikuti inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana), Pakej Kerangka Inisiatif Tambahan Khas (Kita Prihatin) serta Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (Permai).<br><br>Di bawah bantuan yang telah disempurnakan ini, sejumlah RM122.06 bilion peruntukan diagihkan sejak Mac 2020. Setakat ini, 33 inisiatif sedang dilaksanakan terdiri daripada empat di bawah Prihatin, enam di bawah Penjana, 14 di bawah peruntukan Belanjawan 2021 serta sembilan di bawah inisiatif Permai.<br><br>Inisiatif ini membabitkan peruntukan berjumlah RM41.45 bilion. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/06/721026/agih-rm12206b |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4. | **Berita Harian**<br>23 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Peruncit tempatan terjejas teruk, rayu dibenar beroperasi**<br><br>Sektor peruncitan di Malaysia terjejas teruk berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), dicerminkan oleh kemerosotan penjualan runcit sehingga 9.9 peratus pada suku pertama 2021. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/06/831255/peruncit-tempatan-terjejas-teruk-rayu-dibenar-beroperasi |
| 5. | **Berita Harian**<br>23 Jun 2021<br>(*Non-essential*) | **Jualan kereta hampir sifar bulan ini**<br><br>Hampir tiada kereta dijangka dapat dijual bulan ini berikutan penutupan bilik pameran dan pengeluaran diberhentikan semasa fasa pertama sekatan pergerakan penuh bermula sejak 1 Jun lalu.<br><br>Berdasarkan purata harga jualan kenderaan RM70,000 seunit di Malaysia, industri automotif negara dianggar kehilangan pendapatan sekitar RM3.44 bilion pada Jun jika jangkaan tiada jualan direkodkan bulan ini. | https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2021/06/831176/jualan-kereta-hampir-sifar-bulan-ini |
| 6. | **Berita Harian**<br>23 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Bank letak syarat rumit, sektor peruncitan kini nyawa-nyawa ikan**<br><br>Kebanyakan peniaga sektor pe-runcitan kini dilihat sudah seperti nyawa-nya-wa ikan kerana institusi perbankan enggan memberikan moratorium secara automatik.<br><br>Presiden Persatuan Peruncit Bumiputera (BRO), Datuk Ameer Ali Mydin berkata, walaupun pihak | https://www.sinarharian.com.my/article/145779/E-PAPER/E-DAILY/SINAR-HARIAN-23-JUN-2021 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | bank mahu memberikan moratorium tersebut, namun syarat dikenakan kepada peniaga adalah rumit dan membebankan. | |
| 7. | **Harian Metro**<br>23 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Pandai Orang Selangor Berniaga e-Dagang**<br><br>Sejumlah RM1 bilion dijana untuk ekonomi Selangor melalui Kempen Selangor E-Bazar Raya sekaligus memberikan manfaat kepada 134,000 peniaga e-dagang di seluruh negeri itu. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/721757/pandai-orang-selangor-berniaga-e-dagang |
| 8. | **Harian Metro**<br>23 Jun 2021<br>(*Essential*) | **AEON bakal perkenal platform e-dagang tahun ini**<br><br>AEON Co (M) Bhd (AEON) akan membangunkan platform e-dagang yang komprehensif pada akhir suku ketiga 2021 memandangkan pandemik Covid-19 memacu permintaan terhadap barangan dalam talian.<br><br>Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Shafie Shamsuddin berkata, platform e-dagang yang dikenali sebagai 'My AEON To Go' akan diperkenalkan pada 2 Ogos nanti.<br><br>"Platform ini bukan sahaja menjual produk yang terdapat dirangkaian pasaran AEON serta anak syarikat kami iaitu AEON Wellness dan Daiso, tetapi turut menjual produk daripada penyewa kami seperti makanan dan minuman. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/06/721745/aeon-bakal-perkenal-platform-e-dagang-tahun-ini |

| | B. Subsektor Kesihatan | | |
|---|---|---|---|
| 9. | **Free Malaysia Today**<br>22 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Private hospitals, doctors give 1mil vaccine jabs in 2 weeks**<br><br>Private hospitals and doctors have administered one million doses of the COVID-19 vaccine in the two weeks since they started giving the jabs to contribute to the national immunisation programme.<br><br>Association of Private Hospitals Malaysia (APHM) president Dr Kuljit Singh said the capacity as at June 21 was 90,000 jabs a day but the number would increase over the next few weeks.<br><br>He added that some 100 private hospitals and 700 general practitioners nationwide have participated in the national COVID-19 immunisation programme so far, according to ProtectHealth Corporation Sdn Bhd.<br><br>Private hospitals started administering vaccines to recipients on June 7, having been roped in by the government to boost the rollout of the immunisation programme. | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2021/06/22/private-hospitals-doctors-give-1mil-vaccine-jabs-in-2-weeks/ |
| 10. | **The Sun Daily**<br>22 Jun 2021<br>(*Essential*) | **ProtechHealth, Selgate forge coorperation to spur immunisation programme**<br><br>ProtectHealth Corporation Sdn Bhd (ProtectHealth) will be registering and training 16 clinics owned by SELGATE Healthcare | https://www.thesundaily.my/home/protechhealth-selgate-forge-coorperation-to-spur-immunisation-programme-HY7991229#pk_cam |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Sdn Bhd (Selgate) as well as more than 1,200 Selgate panel clinics to further spur the National COVID-19 Immunisation Programme especially in Selangor.<br><br>The registration process and several training series will be handled by ProtectHealth as it involved private medical practitioners under Selgate in Selangor and those under the General Practitioners Vaccination Centre (PPVGP) model as well as mega PPV and industry PPV which are handled by ProtectHealth. | paign=MASwpn&pk_kwd=ProtechHealth%2C+Selgate+forge+coorperation+to+spur+immunisation+programme |
| 11. | **Malay Mail**<br>22 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Khairy projects 80pc Covid-19 vaccination for N. Sembilan by Oct**<br><br>National COVID-19 Immunisation Programme (CITF) Coordinating Minister Khairy Jamaluddin is confident that 80 per cent of Negri Sembilan's residents will be immunised by October, two months ahead of schedule. The state's current daily vaccination rate stands at 7,000 and added that the government aims to raise it to 20,000 jabs by next month.<br><br>Aminuddin said the state currently has 13 health clinics, seven government hospitals, seven private hospitals, and 27 private general practitioner clinics that will be used as PPVs. Another eight PPVs are public centres. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/06/22/khairy-projects-80pc-covid-19-vaccination-for-n.-sembilan-by-oct/1984142 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | The Negri Sembilan government and the Health Ministry have agreed to increase the number of PPVs. These include an addition two more health clinic PPVs, seven public PPVs, 14 private general practitioner PPVs, seven mobile PPVs, and one tertiary education institution PPV, which will be situated in Universiti Sains Islam Malaysia at Nilai. | |
| 12. | **New Straits Times** 22 Jun 2021 (*Essential*) | **APHM committed to assisting government in NIP**<br><br>The Association of Private Hospitals Malaysia (APHM) has pledged its continuous commitment to assisting the government in the on-going Covid-19 National Immunisation Programme (NIP) as it progresses throughout the year. The private healthcare sector has so far administered about 90,000 vaccine doses a day.<br><br>He said according to the report from Protect Health Corp, there are 100 private hospitals and 700 general practitioners that have participated in the programme so far. | https://www.nst.com.my/news/nation/2021/06/701260/aphm-committed-assisting-government-nip |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | "Most of the private hospitals have their own PPVs that are completely operated by their own nurses, doctors and administrative staff. The private hospitals are unable to procure their own vaccines for direct sale to the public. Therefore, this would be the best way forward to help the government and public as there is no immediate indication of any private purchases allowed by private hospitals. | |
| 13. | **New Straits Times**<br>23 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Singapore sovereign wealth fund's affiliate buys 16pct of Sunway Healthcare for RM750mil**<br><br>Sunway Bhd has finalised a deal with an affiliate of GIC Pte Ltd, Singapore's sovereign wealth fund, to sell a 16 per cent stake in Sunway Healthcare Holdings Sdn Bhd for RM750 million. Sunway Healthcare managing director Lau Beng Long said the participation of GIC augured well to support the expansion of the company's existing hospitals and setting up of new hospitals and ancillary healthcare businesses nationwide. Sunway Healthcare currently operates two tertiary hospitals with combined capacity more than 800 beds and more than 400 consultant specialists. | https://www.nst.com.my/business/2021/06/701555/singapore-sovereign-wealth-funds-affiliate-buys-16pct-sunway-healthcare |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 14. | **The Malaysian Reserve**<br>23 Jun 2021<br>(*Essential*) | **No triage between Covid and non-Covid patients in ICUs.**<br><br>The Association of Private Hospitals Malaysia president Datuk Dr Kuljit Singh had urged doctors in government hospitals to refer their non- COVID-19 patients to private hospitals for elective surgeries and procedures without further delay.<br><br>He said this was following an updated circular by the Ministry of Health (MoH) allowing government hospitals to outsource services to private hospitals to treat non-Covid patients to create more treatment space for Covid patients in public hospitals.<br><br>"Treatment of non-COVID-19 patients in private hospitals will be funded by the government based on the circular, but patients can only be referred by their treating doctors in public hospitals to private based on the condition of the ailment," he said in a statement.<br><br>He also noted that there are 31 private hospitals in the Klang Valley alone which are currently managing Covid-19 patients in normal wards as well as ICUs. However, he said there is a limitation in expanding the capacity to accept more COVID-19 patients in private hospitals due to man- power constraints, unlike in public hospitals where | https://themalaysianreserve.com/2021/06/23/no-triage-between-covid-and-non-covid-patients-in-icus/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | there are house officers, medical officers and more specialists. | |
| 15. | **New Straits Times**<br>24 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Singapore's GIC pays RM750mil for 16pct stake in Sunway Healthcare**<br><br>Singapore's sovereign wealth fund GIC Pte Ltd, via an affiliate, is buying a 16 per cent stake in Sunway Bhd's healthcare arm for RM750 million.<br><br>The acquisition values Sunway Healthcare Holdings Sdn Bhd at close to RM4.69 billion.<br><br>Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said the sizeable foreign direct investment in Sunway Healthcare was a demonstration of confidence in both Sunway and the Malaysian economy. | https://www.nst.com.my/business/2021/06/701658/singapores-gic-pays-rm750mil-16pct-stake-sunway-healthcare |
| 16. | **New Straits Times**<br>24 Jun 2021<br>(*Essential*) | **ProtectHealth urges more private medical facilities to participate in vaccination programme**<br><br>ProtectHealth Corporation Sdn Bhd (ProtectHealth) is calling on more private medical facilities nationwide to immediately participate in the National COVID-19 Immunisation Programme (NIP) by registering on the agency's website.<br><br>ProtectHealth is a wholly owned non-profit subsidiary of the Ministry of Health (MOH) which has been given the mandate to register, provide training, monitor quality, conduct analysis and | https://www.nst.com.my/news/nation/2021/06/701689/protecthealth-urges-more-private-medical-facilities-participate |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | reporting as well as make payments to all private medical practitioners involved in the immunisation programme. | |
| | **C. Subsektor Kewangan** | | |
| 17. | **The Star**<br>22 June 2021<br>(*Essential*) | **Affin, Generali to co-develop more than RM2bil GWP insurance business**<br><br>Affin Bank Bhd and Generali Asia N.V. (Generali) have agreed to form a joint venture to develop their life and general insurance businesses in Malaysia.<br><br>In a statement today, Affin said it has agreed to dispose of 21.00 per cent equity interest in AXA Affin Life Insurance Bhd and approximately 2.95 per cent equity interest in AXA Affin General Insurance Bhd (AAGI) to Generali.<br><br>In addition, Affin has also agreed for AAGI to acquire certain assets and liabilities of MPI Generali Insurans Bhd (MPIG) via a business transfer (AAGI Merger) to create an enlarged company (MergeCo**).** | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/06/22/affin-generali-to-co-develop-more-than-rm2bil-gwp-insurance-business |
| 18. | **The Star**<br>22 June 2021<br>(*Essential*) | **RHB Group's green financing grows to RM3.25bil YTD**<br><br>RHB Banking Group's green portfolio has increased to RM3.25 billion year-to-date (YTD) from RM3 billion at end-2020, group managing director and group chief executive officer Datuk Khairussaleh Ramli said. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/06/22/rhb-group039s-green-financing-grows-to-rm325bil-ytd |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | The commitment grew through its core business activities via lending, capital markets advisory and investment activities, constituting around 20 per cent, 30 per cent, and 50 per cent respectively of the banking group's green portfolio. | |
| 19. | **The Edge Markets** 23 June 2021 *(Essential)* | **Maybank expanding its digital payment options in Cambodia via blockchain-based P2P fund Bakong — report**<br><br>Maybank (Cambodia) Plc has reportedly announced its membership of Bakong, a National Bank of Cambodia (NBC)-initiated blockchain-based peer-to-peer (P2P) fund transfer and payment platform.<br><br>Khmer Times reported that Bakong caters to retail customers of local banks, financial institutions and payment service providers in Cambodia. | https://www.theedgemarkets.com/article/maybank-expanding-its-digital-payment-options-cambodia-blockchainbased-p2p-fund-bakong-%E2%80%94 |
| | sebanyak RM127.9 billon pada 2027 berbanding RM56.3 bilion pada 2017. Pelaburan ini seterusnya, memberi impak positif dalam mewujudkan peluang pekerjaan, dan melahirkan tenaga kerja yang mahir serta meningkatkan pendapatan boleh guna. | | |
| **G.** | **Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br>22 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Bantuan RM500 kepada 750 pengusaha bas, van sekolah**<br><br>Peruntukan bernilai RM375,000 daripada program MAIWP Prihatin Kasih Asnaf 3.0 memberi manfaat kepada 750 pemandu dan pengusaha van serta bas sekolah dengan pemberian bantuan sebanyak RM500. Peruntukan tersebut akan disalurkan kepada Persatuan Pengusaha Bas Sekolah Bumiputera Kuala Lumpur dan Selangor. Pemberian bantuan ini merupakan inisiatif yang diumumkan MAIWP bagi membantu golongan yang terkesan dengan pandemik COVID-19. | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/06/830806/bantuan-rm500-kepada-750-pengusaha-bas-van-sekolah |
| 2. | **Kosmo Online**<br>22 Jun 2021<br>*(Essential)* | **7,300 petugas barisan hadapan terima pek makanan MAIS**<br><br>Sebanyak 7,300 petugas baris hadapan menerima pek makanan bernilai RM 28,350 daripada Majlis Agama Islam Selangor. Pemberian melibatkan 10 Pusat Pemberian Vaksin, Pejabat Kesihatan Daerah dan 10 hospital di Selangor. | https://www.kosmo.com.my/2021/06/22/7300-petugas-barisan-hadapan-terima-pek-makanan-mais/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **Kosmo Online**<br>22 Jun 2021<br>(*Essential*) | **TNB mula agih bantuan melalui tabung WTP**<br><br>Hasil kutipan dana Tabung Warga TNB Prihatin (WTP) bernilai RM270,000 daripada RM1.34 juta akan disalurkan kepada golongan B40 yang terdiri daripada Orang Kelainan Upaya, penerima e-kasih, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pusat zakat negeri. Sebanyak RM40,000 telah diagihkan sekitar Kuala Lumpur dan ianya dilaksanakan melalui perbankan dalam talian. | https://www.kosmo.com.my/2021/06/22/tnb-mula-agih-bantuan-melalui-tabung-wtp/ |
| 4. | **Utusan Malaysia**<br>22 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Durian dijual harga 'kayangan'**<br><br>Penduduk yang menetap di Bayan Lepas, Teluk Kumbar, Pulau Betong, Sungai Pinang dan Teluk Bahang, Pulau Pinang mendakwa harga jualan durian yang tinggi sehingga mencecah RM100 sekilogram. | https://www.utusan.com.my/terkini/2021/06/durian-dijual-harga-kayangan/ |
| 5. | **Utusan Malaysia**<br>22 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Tambang percuma perkhidmatan feri laju**<br><br>Pengguna pejalan kaki feri laju Pulau Pinang termasuk warga emas, orang dewasa, kanak-kanak dan golongan orang kurang upaya (OKU) boleh menggunakan perkhidmatan itu secara percuma bermula 1 Julai hingga 31 Disember ini. | https://www.utusan.com.my/terkini/2021/06/tambang-percuma-perkhidmatan-feri-laju/ |
| 6. | **Utusan Malaysia**<br>22 Jun 2021<br>*(Non-essential)* | **Tiada kenaikan harga tepung gandum mulai 1 Julai**<br><br>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak | https://www.utusan.com.my/berita/2021/06/tiada-kenaikan-harga-tepung-gandum-mulai-1-julai/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | memberi kelulusan kepada mana-mana pengilang untuk menaikkan harga tepung gandum. | |
| 7. | **The Malay Mail**<br>23 Jun 2021<br>*(Essential)* | **World Bank urges Putrajaya to spend more for Malaysia's poor, suggests raising debt limit to fight COVID-19**<br><br>People are urging the government to raise the statutory debt limit and plan a strategic recovery that will benefit both people and the economy.<br><br>Unemployment rates are increasing and the pace of vaccination rollout are slower than expected. The importance in strengthening the health system is as a way to decrease the numbers of infections and help curb the virus from spreading. The government needs to prioritise the welfare of the people and take more effective measures in finding a better solution. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/06/23/world-bank-urges-putrajaya-to-spend-more-for-malaysias-poor-suggests-raisin/1984392 |
| 8. | **Utusan Malaysia**<br>23 Jun 2021<br>*(Non-essential)* | **Harga petrol kekal**<br><br>Harga runcit petrol RON95 dan diesel kekal pada harga RM2.05 seliter dan RM2.15 seliter bagi tempoh esok sehingga 30 Jun ini. Harga runcit petrol RON97 juga kekal pada harga sama iaitu RM2.67 seliter. | https://www.utusan.com.my/terkini/2021/06/harga-petrol-kekal/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9. | **Berita Harian**<br>23 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Majikan, pekerja wajar manfaatkan bantuan SIP**<br><br>Kementerian Sumber Manusia (KSM) dalam satu kenyataan berkata, pekerja dan majikan terbabit diminta mendapatkan bantuan atau faedah sementara ditawarkan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/831347/majikan-pekerja-wajar-manfaatkan-bantuan-sip |
| 10. | **The Malaysian Reserve**<br>23 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Cancellations again for hotels**<br><br>The drought of guests that hotels have been experiencing since last year is not showing any signs of ending, more so now that the country is under another lockdown.<br><br>To counter this loss, hoteliers asked to be given leeway on statutory payments during the lockdown and that the government should support businesses throughout the period, including the wage subsidy programme and full moratoriums. | https://themalaysianreserve.com/2021/06/23/cancellations-again-for-hotels/ |

Penemuan penting & isu:

1. Pengusaha/ pemandu van dan bas sekolah akan menerima bantuan sebanyak RM500 melalui Program MAIWP Prihatin Kasih Asnaf 3.0.

2. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah memperuntukkan RM28,350 untuk pengedaran pek makanan kepada petugas barisan hadapan.

3. TNB telah berjaya mengutip sebanyak RM1.34 juta menerusi Tabung Warga TNB Prihatin. Sejumlah RM270,000 akan disalurkan bagi tujuan membantu golongan terjejas akibat COVID-19.

4. Penduduk di sekitar Pulau Pinang mendakwa tidak lagi berpeluang merasai kenikmatan buah durian tempatan walaupun tinggal berdekatan lokasi pengeluarannya. Buah durian kampung dijual sekitar RM10 hingga RM15; durian kahwin (RM25 hingga RM35); D2 (RM25 hingga RM28); D24 (26 hingga RM30); 604 (25 hingga RM28), Ho Lor (RM38-RM40); Musang King (RM65 hingga RM75) dan duri hitam (RM75 hingga RM100) sekilogram.

5. Kerajaan negeri di Pulau Pinang memutuskan untuk membiayai tambang perkhidmatan feri bagi semua penumpang pejalan kaki berstatus warganegara Malaysia termasuk warga emas, orang dewasa, kanak-kanak dan golongan OKU. Inisiatif berkenaan merupakan usaha kerajaan negeri dalam meningkatkan penggunaan pengangkutan awam serta meringankan beban rakyat ketika dibelenggu pandemik Covid-19. Pada 1 Januari lalu, bot penumpang laju digunakan bagi menggantikan perkhidmatan feri ikonik Pulau Pinang bagi menghubungkan antara pulau dan Perai.

6. KPDNHEP menafikan dakwaan berhubung kenaikan harga barangan subsidi iaitu tepung gandum mulai 1 Julai ini. Harga tepung gandum bersubsidi adalah masih pada harga yang ditetapkan kerajaan iaitu RM1.35 per paket 1 kg. Pihak kementerian hanya menerima satu permohonan daripada pihak pengilang untuk menaikkan harga tepung gandum tanpa subsidi dalam pek 1 kg dan pek 25 kg.

7. Bank Negara mencadangkan pihak kerajaan untuk meningkatkan kadar had penangguhan pembayaran bagi membantu golongan yang terkesan untuk meneruskan kelangsungan hidup.

8. Harga runcit bagi petrol RON97, RON95 dan diesel kekal masing-masing pada paras RM2.67, RM2.05 dan RM2.15 seliter.

9. Kementerian Sumber Manusia (KSM) menggalakkan majikan dan pekerja mendapatkan bantuan atau faedah sementara ditawarkan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) seperti pekerja yang kehilangan pekerjaan. Bantuan yang ditawarkan adalah Elaun Mencari Pekerjaan (EMP), Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA), Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB), Elaun Latihan dan faedah bantuan pencarian pekerjaan.

10. Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan (MOTAC) mengumumkan hotel dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP 3.0 dengan tujuan kuarantin, pengasingan dan keperluan pekerjaan. Hotel menginap dan pelancongan masih tidak dibenarkan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kerajaan menyediakan pelbagai inisiatif bagi membantu rakyat Malaysia yang terkesan untuk meneruskan kelangsungan hidup melalui pelbagai medium. Isu semasa berkaitan kumpulan isi rumah, kemiskinan dan penyaluran bantuan kepada isi rumah akan dijadikan rujukan untuk semakan penemuan pendapatan isi rumah bagi survei HIES yang akan datang.

2. Pergerakan harga tepung dan durian pada bulan ini akan memberi tekanan kepada inflasi kumpulan Makanan dan ianya dijangka digambarkan dalam inflasi Jun 2021.

3. Harga runcit petrol bagi minggu ke-3 kekal tidak berubah. Inflasi subkumpulan Pengurusan alat pengangkutan persendirian bagi bulan Jun 2021 dijangkakan akan meningkat tahun ke tahun berikutan kesan asas yang rendah pada tahun 2020.

4. Penutupan sektor perhotelan dan pelancongan memberi kesan kepada indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan dan IHP kumpulan Rekreasi dan Hotel. Kesan ini dijangka akan digambarkan di dalam IHP Jun 2021.

| **H.** | **Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Harian Metro**<br>23 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **Murung selepas perniagaan gagal, lelaki terjun tingkat 10 pangsapuri**<br><br>Seorang lelaki yang berdepan masalah kemurungan sejak perniagaan diusahakannya gagal maut selepas terjun dari tingkat 10 pangsapuri di Jalan Bagan Ajam. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/721852/murung-selepas-perniagaan-gagal-lelaki-terjun-tingkat-10-pangsapuri |
| 2. | **Berita Harian**<br>23 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **5,244 kes baharu COVID-19 hari ini**<br><br>Kes COVID-19 kembali menunjukkan peningkatan apabila sebanyak 5,244 kes baharu dilaporkan hari ini, sekali gus menjadikan jumlah | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/831223/5244-kes-baharu-covid-19-hari-ini |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | keseluruhan kes mencecah 711,006. | |
| 3. | **Berita Harian**<br>24 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **1.8 juta individu lengkap dua dos vaksin**<br><br>Kadar pemberian suntikan vaksin COVID-19 di seluruh negara terus meningkat dengan 252,773 dos semalam, tertinggi direkodkan semalam. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/831554/18-juta-individu-lengkap-dua-dos-vaksin |

Penemuan penting & isu:

1. Seorang lelaki yang berdepan masalah kemurungan sejak perniagaan diusahakannya gagal maut selepas terjun dari tingkat 10 pangsapuri di Jalan Bagan Ajam. Isteri mangsa memaklumkan mangsa mulai alami kemurungan selepas perniagaan yang diceburi gagal dan mengalami kerugian. Kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut.

2. Selangor kekal merekodkan kes harian tertinggi dengan 2,001 kes dicatatkan diikuti Negeri Sembilan dengan 677 kes, Sarawak (577), Kuala Lumpur (531), Johor (282), Pahang (245) dan Kedah (189). Hanya Perlis mencatatkan pertambahan kes satu digit, iaitu satu kes. Sehingga kini sebanyak 60,816 kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 di negara ini. Daripada jumlah berkenaan, 879 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 433 kes masih memerlukan alat bantuan pernafasan.

3. Jumlah keseluruhan pemberian vaksin COVID-19 menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) setakat semalam ialah 6,554,500 dos. Jumlah penerima dos pertama ialah 4,749,133 orang. Daripada jumlah itu, 1,805,367 orang juga terima dos kedua. Secara keseluruhannya, Kuala Lumpur, Selangor dan Sarawak antara negeri mencatatkan angka harian tertinggi suntikan dos pertama, melepasi 700,000 penerima. Terdapat tiga negeri merekodkan peningkatan peratusan vaksinasi lengkap melebihi 10 peratus, masing-masing Putrajaya dengan 20.9 peratus, Labuan (13.81 peratus) dan Perlis (13.1 peratus).

| |
|---|
| Maklumbalas Bahagian:<br><br>1. Data kematian pada suku tahun pertama 2021 ialah:<br><br>- Jumlah kematian pada suku tahun pertama 2021 direkodkan sebanyak 43,545 kematian, meningkat sebanyak 0.7 peratus berbanding suku tahun pertama 2020 (43,226 kematian);<br>- Sejumlah 25,076 kematian adalah lelaki sementara 18,469 kematian adalah perempuan;<br>- Sebanyak 801 kematian disebabkan COVID-19 pada suku tahun pertama 2021, meningkat 70.1 peratus berbanding 471 kematian pada keseluruhan tahun 2020; dan<br>- Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 285 kematian manakala W.P. Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya 2 kematian dan tiada kematian direkodkan di Perlis.<br><br>2. Sebab-sebab kematian akibat COVID-19 akan dimuatkan di Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian.<br><br>3. Berdasarkan data pendaftaran penduduk semasa, penduduk Malaysia pada suku tahun pertama 2021 dianggarkan 32.75 juta orang, meningkat 0.4 peratus berbanding suku tahun pertama 2020 (32.62 juta). Jumlah penduduk ini merangkumi 29.91 juta orang (91.3%) Warganegara dan 2.84 juta orang (8.7%) Bukan warganegara. Penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua) meningkat daripada 2.26 juta kepada 2.37 juta bagi tempoh yang sama. |

| **I.** | **Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Harian Metro**<br>22 Jun 2021<br>*(Essential)* | **SKMM arah syarikat telekomunikasi sediakan liputan lebih baik**<br><br>Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengarahkan syarikat telekomunikasi melaksanakan pengoptimuman pemancar yang berhampiran dengan Kampung Baru Batu Tiga, Perak, bagi memastikan liputan internet lebih baik di kawasan berkenaan selewat-lewatnya Julai ini. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/721371/skmm-arah-syarikat-telekomunikasi-sediakan-liputan-lebih-baik |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Langkah itu sebagai penyelesaian awal berhubung liputan internet, manakala bagi penyelesaian jangka masa panjang, suruhanjaya itu mengarahkan penyedia perkhidmatan menyediakan infrastruktur komunikasi bersesuaian di kawasan berkenaan. | |
| 2. | **Harian Metro**<br>22 Jun 2021<br>*(Non-essential)* | **25 OKU cacat penglihatan dijangkiti Covid-19**<br><br>Seramai 25 Orang Kurang Upaya (OKU) cacat penglihatan dijangkiti Covid-19 sejak pandemik itu menular.<br><br>Sejak pandemik bermula, tiga kematian dicatatkan membabitkan golongan berkenaan iaitu satu kematian tahun lalu dan dua kematian tahun ini. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/721148/25-oku-cacat-penglihatan-dijangkiti-covid-19-metrotv |

Penemuan penting & isu:

1. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengarahkan syarikat telekomunikasi melaksanakan pengoptimuman pemancar yang berhampiran dengan Kampung Baru Batu Tiga, Perak, bagi memastikan liputan internet lebih baik di kawasan berkenaan selewat-lewatnya Julai ini.

2. Seramai 25 Orang Kurang Upaya (OKU) cacat penglihatan telah dijangkiti COVID-19 sejak pandemik itu menular. Sejak pandemik bermula, tiga kematian dicatatkan membabitkan golongan berkenaan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pelajar memerlukan capaian yang lebih baik untuk mengikuti sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Merujuk kepada MyLocal Stats 2019, peratusan capaian Isi Rumah terhadap perkhidmatan internet di negeri Perak adalah 81.0 peratus.

2. Golongan OKU merupakan golongan yang berisiko terkena wabak COVID-19 dan antara golongan yang harus diberi vaksin COVID-19 dengan

| | | | |
|---|---|---|---|
| | segera. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019, bilangan kumulatif OKU yang berdaftar di Malaysia pada tahun 2019 adalah seramai 548,195 orang. | | |
| **J.** | **Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **KOSMO**<br>22 Jun 2021<br>*(Essential)* | **1,050kg pisang berangan terpaksa dibuang**<br><br>Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Penuh sejak awal bulan ini menyebabkan pemborong tidak dapat membeli pisang di Kuala Nerang. Kesannya, kira-kira 1,050 kg pisang berangan yang telah masak terpaksa dilupuskan pada minggu pertama PKP. Bagi mengurangkan kerugian, pisang tersebut dijual dengan harga RM1.80 sekilogram berbanding RM 2.50 sekilogram sebelum. | https://www.kosmo.com.my/2021/06/22/1050-kg-pisang-berangan-terpaksa-dibuang/ |
| 2. | **Sinar Harian**<br>22 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Pasar durian dalam talian, jual secara COD**<br><br>Peniaga durian kini mula beralih kepada pemasaran secara dalam talian melalui Facebook dan aplikasi WhatsApp. Berdasarkan pengalaman musim durian ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun lalu, cara pemasaran durian perlu diubah bagi mengelakkan berlaku lambakan durian. | https://www.sinarharian.com.my/article/145593/EDISI/Pasar-durian-dalam-talian-jual-secara-COD |
| 3. | **Harian Metro**<br>23 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Penternak kambing yakin ada pasaran Aidiladha**<br><br>Walaupun negara masih dibelenggu pandemik COVID-19, penternak kambing yakin pasaran tetap ada menjelang Aidiladha | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/721539/penternak-kambing-yakin-ada-pasaran-aidiladha |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | kelak. Pandemik COVID-19 menyebabkan kebanyakan penternak kambing terpaksa menghadapi ujian hebat kerana tidak ramai yang membeli haiwan itu, sama ada untuk kenduri kahwin atau aqiqah kerana tidak dibenarkan mengadakan majlis kenduri | |

Penemuan penting & isu:

1. Dua sahabat dari Kampung Belimbing Kiri terpaksa menanggung kerugian hampir RM10,000 apabila tidak dapat memasarkan tanaman pisang diusahakan mereka berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Penuh sejak awal bulan ini. Mereka memasarkan sendiri buah pisang tersebut dengan RM1.80 sekilogram berbanding RM 2.50 sekilogram sebelum ini untuk mengelakkan kerugian yang lebih besar.

2. Kehadiran musim durian ketika Sekatan Pergerakan Penuh tidak menghalang peniaga memasarkan durian secara dalam talian melalui Facebook dan aplikasi WhatsApp. Setakat ini, tidak berlaku lambakan durian di Johor, memandangkan ramai yang memilih kaedah pemasaran secara dalam talian selain peniaga-peniaga durian dibenarkan berniaga.

3. Penternak kambing yakin pasaran tetap ada menjelang Aidiladha bulan depan. Kesan Pandemik COVID-19, kebanyakan penternak kambing terpaksa menghadapi pengurangan permintaan dan kos bahan makanan ternakan yang semakin meningkat.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pada 2019, pengeluaran pisang adalah 377,251.0 tan metrik. Booklet Statistik Tanaman yang diterbitkan oleh DOA menjangkakan jumlah pengeluaran pisang akan meningkat kepada 370,060 tan metrik. Berdasarkan penerbitan Indikator Pertanian Terpilih (IPT) 2020 (sehingga Jun 2020), harga runcit pisang berangan adalah RM4.75 meningkat RM0.10 berbanding tahun 2020. Pelaksanaan PKP 3.0 ini dijangka akan memberi kesan kepada harga pisang tersebut.

2. Pada 2019, pengeluaran durian 377,251.0 tan metrik. Booklet Statistik Tanaman yang diterbitkan oleh DOA menjangkakan jumlah pengeluaran durian akan meningkat kepada 405,536 tan metrik pada 2020. Berdasarkan penerbitan IPT 2020 (sehingga Jun 2020), purata harga durian kampung bagi tempoh Januari-

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Jun 2020 adalah RM12.10. Pelaksanaan PKP 3.0 ini dijangka akan memberi kesan kepada harga durian pada 2021.<br><br>3. Menerusi penerbitan IPT, bilangan ternakan kambing adalah 371,747 ekor pada 2019. Sabah merekodkan negeri tertinggi bilangan ternakan iaitu 54,464 ekor; diikuti Kedah (43,973 ekor); dan Kelantan (40,143 ekor). Kadar Sara Diri (SSR) dan Penggunaan Per Kapita (PCC) bagi kategori daging kambing & bebiri masing-masing mencatatkan 12.1 peratus dan 1.1 kilogram/tahun pada 2019 seperti yang dilaporkan dalam penerbitan SUA 2015-2019. | | |
| **K.** | **Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge Market**<br>24 Jun 2021<br>(*Non-essential*) | **Look into supply chain disruption in construction industry due to FMCO, Putrajaya told**<br><br>The Master Builders Association Malaysia (MBAM) has urged the government to look into disruption to the supply chain of the construction industry since the commencement of the full movement control order (FMCO).<br><br>The operation of critical construction works that are allowed during the lockdown has been affected and will not be able to continue. Quarries are not allowed to operate, while the few ready-mixed concrete batching plants allowed to operate cannot meet the supply of concrete to contractors. The steel and cement players are critical supply chains to critical infrastructure projects like the Mass Rapid Transit (MRT). | https://www.theedgemarkets.com/article/look-supply-chain-disruption-construction-industry-due-fmco-putrajaya-told |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **The Edge Market**<br>24 Jun 2021<br>(*Non-essential*) | **Hybrid working style expected to continue in Malaysia**<br><br>The hybrid working model, combining office and remote work, is already a new norm in Malaysia and is expected to stay on post-Covid-19.<br><br>Cisco Malaysia suggested almost 90% of Malaysian employees want to have the option to work either from home or office. Organisations and companies have adapted to just not retain employees but also to attract millennial and future talent in the marketplace. | https://www.theedgemarkets.com/article/hybrid-working-style-expected-continue-malaysia |
| 3. | **The Edge Market**<br>24 Jun 2021<br>(*Non-essential*) | **Workers, employers affected by Covid-19 urged to apply for EIS benefits**<br><br>Workers and employers in all sectors affected by the Covid-19 pandemic have been urged to apply for temporary assistance or benefits offered by the government through the Social Security Organisation's (Socso) Employment Insurance System (EIS).<br><br>The EIS aid for workers who lost their jobs are the Job Search Allowance, Early Re-employment Allowance, Reduced Income Allowance, Training Allowance and job search assistance. The training fee is paid directly to registered training providers with a maximum amount of RM4,000. | https://www.theedgemarkets.com/article/workers-employers-affected-covid19-urged-apply-eis-benefits |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Job opportunities are also available on the MYFutureJobs portal at www.myfuturejobs.gov.my and currently, there were 242,598 active vacancies. | |
| 4. | **The Edge Market**<br>24 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Govt allows G1, G2 contractors to operate during MCO 3.0 Phase 1**<br><br>G1 and G2 categories contractors appointed by local authorities (PBT) to carry out construction works for small-scale projects have been allowed to operate throughout Phase 1 of the movement control order (MCO) 3.0 effective immediately.<br><br>Contractors would not need to obtain permission via the Ministry of International Trade and Industry's (MITI) Covid-19 Intelligent Management System (CIMS) to operate during the period as the approval would be issued by PBT to speed up the process. | https://www.theedgemarkets.com/article/govt-allows-g1-g2-contractors-operate-during-mco-30-phase-1 |
| 5. | **The Edge Market**<br>23 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Sabah allows e-hailing drivers, food delivery riders to cross three districts**<br><br>Beginning Wednesday (June 23), e-hailing services, taxis registered for e-hailing and food delivery operators are allowed to make inter-district travel in Kota Kinabalu, Putatan and Penampang districts during the Movement Control Order (MCO) 3.0 period. | https://www.theedgemarkets.com/article/sabah-allows-ehailing-drivers-food-delivery-riders-cross-three-districts |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | They are allowed to operate from 6am to 8pm daily, with a maximum of one (e-hailing) passenger, except for medical or emergency cases when two passengers are allowed. | |
| 6. | **The Edge Market**<br>23 Jun 2021<br>(*Non-essential*) | **End full lockdown immediately, MEF tells Putrajaya**<br><br>The Malaysian Employers Federation (MEF) has urged the government to end the full movement control order (FMCO) with immediate effect "to stop causing further damage to the national economy and individual livelihoods".<br><br>All sectors should be allowed to operate with many small and medium enterprises (SMEs) and microenterprises has been severely impacted. Companies in the non-essential sectors would not be able to survive for much longer. | https://www.theedgemarkets.com/article/end-full-lockdown-immediately-mef-tells-putrajaya |
| 7. | **New Straits Times**<br>22 Jun 2021<br>(*Non-essential*) | **30 pct of shops at malls have closed; 300,000 workers lost jobs over past 16 months**<br><br>30 per cent of shops in malls have been closed due to the adverse conditions of the past 16 months amid the Covid-19 pandemic, which also saw some 300,000 personnel losing their jobs.<br><br>The associations foresee that in the event the mall and retail industry, including street front shops are not reopened by early July, another 50 per cent of the | https://www.nst.com.my/news/nation/2021/06/701290/30-pct-shops-malls-have-closed-300000-workers-lost-jobs-over-past-16 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | remainder will be closing their doors for good. | |

Penemuan penting & isu:

1. *Master Builders Association Malaysia* (MBAM) menggesa kerajaan melihat gangguan rantaian bekalan industri pembinaan sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh. Aktiviti kuari tidak dibenarkan beroperasi sementara bekalan bahan binaan yang dibenarkan beroperasi tidak dapat memenuhi permintaan kontraktor. Pemain industri simen dan keluli adalah penting dalam rantaian bekalan bagi projek infrastruktur kritikal seperti *Mass Rapid Transit* (MRT).

2. Model kerja hybrid, gabungan bekerja di pejabat dan secara jarak jauh telah menjadi norma baharu di Malaysia akan dijangka berterusan selepas COVID-19. Cisco Malaysia menyatakan hampir 90 peratus pekerja di Malaysia ingin mempunyai pilihan untuk bekerja di pejabat atau dari rumah. Organisasi dan syarikat telah menerima bukan hanya untuk mengekalkan pekerja malah menarik golongan milenial dan tenaga kerja pada masa depan yang sedia ada dalam pasaran buruh.

3. Pekerja dan majikan yang terjejas dengan COVID-19 digesa memohon bantuan sementara melalui *Employment Insurance System* (EIS), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Peluang pekerjaan juga boleh didapati di portal MYFutureJobs dengan terdapat 242,598 kekosongan jawatan aktif.

4. Kontraktor kategori G1 dan G2 yang dilantik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi projek pembinaan skala kecil dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP 3.0 dengan serta-merta. Kontraktor tidak perlu memohon kebenaran melalui *Covid-19 Intelligent Management System* (CIMS) kendalian Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan hanya memerlukan kelulusan PBT bagi mempercepatkan proses.

5. Bermula 23 Jun, perkhidmatan e-hailing, teksi berdaftar sebagai e-hailing dan operator penghantaran makanan dibenar melakukan perjalanan rentas daerah antara Kota Kinabalu, Putatan dan Penampang sepanjang tempoh PKP 3.0. Mereka dibenarkan beroperasi dari 6 pagi sehingga 8 malam setiap hari, maksimum seorang penumpang e-hailing, kecuali bagi kes kecemasan dan perubatan dengan 2 penumpang dibenarkan.

6. *Malaysian Employers Federation* (MEF) menggesa kerajaan menamatkan PKP penuh bagi menghentikan impak berterusan kepada ekonomi negara dan kehidupan individu. Semua sektor perlu dibenarkan beroperasi di mana

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan perusahaan mikro telah teruk terjejas. Syarikat yang tidak tersenarai dalam perkhidmatan perlu tidak mampu untuk bertahan lebih lama.

7. Sebanyak 30 peratus kedai di pusat beli-belah ditutup dalam tempoh 16 bulan terakhir akibat Covid-19 yang melibatkan kira-kira 300,000 pekerja kehilangan pekerjaan. Persatuan meramalkan sekiranya pusat membeli-belah dan runcit serta kedai di hadapan jalan tidak dibuka semula pada awal Julai, sebanyak 50 peratus lagi dijangka akan terus menutup operasi sepenuhnya.

Maklumbalas Bahagian:

1. Petikan Sorotan Pasaran Buruh ST1 2021 yang diterbitkan pada 21 Mei 2021 menyatakan ketika krisis, kumpulan rentan seperti golongan yang bekerja dalam sektor ekonomi informal sama ada di sektor informal atau terlibat dalam guna tenaga informal akan terjejas dan lebih terdedah kepada kesulitan. Golongan ini merangkumi pekerja sementara tanpa perjanjian kontrak dengan majikan, bekerja sendiri dan pekerja keluarga. Selain itu, golongan yang baru menyertai pasaran buruh, walaupun bekerja dalam pekerjaan bergaji, turut terkesan kepada kehilangan pekerjaan dan kerugian pendapatan akibat daripada krisis ekonomi ini.

2. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan April 2021 yang diterbitkan pada 9 Jun 2021 adalah seperti berikut:

   i) Tenaga buruh: 16,094.7 ribu
   ii) Penduduk bekerja: 15,352.0 ribu
   iii) Penganggur: 742.7 ribu
   iv) Luar tenaga buruh: 7,376.8 ribu
   v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.6 peratus
   vi) Kadar pengangguran: 4.6 peratus

3. Statistik utama tenaga buruh pada ST1 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:

   i) Tenaga buruh: 16,008.4 ribu
   ii) Penduduk bekerja: 15,236.5 ribu
   iii) Penganggur: 771.8 ribu
   iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.6 peratus
   v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus

4. Berikut merupakan statistik penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan yang diterbitkan menerusi Laporan Tenaga Buruh bagi tempoh ST1 2021:

i) Majikan: 491.4 ribu (Sumbangan: 3.2%)
ii) Pekerja: 11,941.4 ribu (Sumbangan: 78.4%)
iii) Bekerja sendiri: 2,351.8 ribu (Sumbangan: 15.4%)
iv) Pekerja keluarga tanpa gaji: 452.0 ribu (Sumbangan: 3.0%)

5. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat utama berdasarkan SGT ST1 2021:

   i) Jawatan: 8,437.5 ribu
   ii) Jawatan diisi: 8,259.6 ribu
   iii) Kekosongan: 177.9 ribu
   iv) Pewujudan jawatan: 17.38 ribu
   v) Kadar jawatan diisi: 97.9%
   vi) Kadar kekosongan: 2.1%

6. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST1 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:

   i) Pertanian: 1,861 ribu orang (Sumbangan: 12.2%)
   ii) Perlombongan dan pengkuarian: 73 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
   iii) Pembuatan: 2,594 ribu orang (Sumbangan: 17.0%)
   iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
   v) Perkhidmatan: 9,318 ribu orang (Sumbangan: 61.2%)
   vi) Jumlah: 15,237 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)

7. Guna tenaga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengikut aktiviti ekonomi pada tahun 2019 adalah seperti berikut:

   i) Pertanian: 776 ribu orang (Sumbangan: 10.6%)
   ii) Perlombongan dan pengkuarian: 21 ribu orang (Sumbangan: 0.3%)
   iii) Pembuatan: 1,192 ribu orang (Sumbangan: 16.3%)
   iv) Pembinaan: 707 ribu orang (Sumbangan: 9.7%)
   v) Perkhidmatan: 4,623 ribu orang (Sumbangan: 63.2%)
   vi) Jumlah: 7,319 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)